

## **PENGUNAAN VIDEO UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN MINAT MURID TAHUN EMPAT DALAM TAJUK PROSES KEHIDUPAN HAIWAN**

Oleh

**Ngu Hang Ling**  
**hangling88@hotmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk menilai kesan penggunaan video dalam meningkatkan kefahaman serta minat murid tahun 4 dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan sekaligus menambahbaik amalan pengajaran saya. Kajian ini dijalankan dalam tempoh sebulan dan melibatkan 5 orang murid tahun 4 di sebuah sekolah rendah. Teknik mengumpul data yang digunakan termasuklah analisis dokumen seperti lembaran kerja, ujian, pemerhatian dalam bentuk catatan lapangan, temubual, borang maklum balas dan soal selidik. Semua data akan dianalisis secara analisis kandungan. Triangulasi kaedah dan sumber dilaksanakan untuk menyemak data. Hasil analisis data mendapati semua responden telah menunjukkan peningkatan skor samada dalam ujian pos atau lembaran kerja. Daripada pemerhatian, didapati responden telah menunjukkan perubahan sikap dan tingkahlaku yang ketara. Melalui borang soal selidik dan temubual, didapati responden telah lebih memahami tajuk ini dan menjadi lebih berminat terhadap Sains selepas penggunaan video. Dapatan kajian menunjukkan satu kesan positif di mana video perlu diperluaskan penggunaannya dalam pengajaran tajuk Proses Kehidupan Haiwan supaya dapat meningkatkan kefahaman dan minat murid di samping menambahbaik amalan mengajar guru*

*Kata Kunci: Video, kefahaman, minat, murid Tahun 4, Proses Kehidupan Haiwan*

### **ABSTRACT**

*This research was conducted to evaluate the effect of using video in enhancing the understanding and interest of Year 4 pupils in the topic "Animals Life Process" thus improving my teaching practices. This research was carried out within one month and involved 5 Year 4 pupils from a primary school. The technique used in collecting data included analysis of documents such as worksheets, tests, observations in form of field notes, interviews, feedback form and questionnaires. All the data was then analyzed using content analysis. Persons' and method triangulation was employed to check the data. The results of analysis revealed that all the respondents have shown improvement either in worksheet or post test scores. From the observations, it was found that respondents have shown changes in attitude and behavior significantly. Through questionnaires and interviews, respondents were found to have a better understanding of this topic and become more interested in science after the use of video. The findings showed a positive effect that video should extend its use in teaching of topic "Animal Life Process" to enhance pupils' understanding and interest in addition to improve teachers' teaching practices*

*Keywords: Video, understanding, interest, Year 4 pupils, Animal Life Process*

## PENGENALAN

### Konteks

Saya ialah seorang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Sains sebagai kursus major. Semasa praktikum Fasa III di SK Sutra (nama samaran), Semasa saya mengajar Sains Tahun 4, masalah pertama yang saya hadapi ialah ketiadaan LCD, jadi saya terpaksa mengajar tanpa alat teknologi. Semasa pengajaran tajuk Proses Kehidupan Haiwan yang awal, saya mendapati murid tidak memberikan tumpuan, tidak aktif dan kurang memberi respon. Hasil lembaran kerja dan ujian yang dijalankan, didapati jawapan yang diberi tidak memberangsangkan. Saya berandaian keadaan ini berpunca daripada kebosanan dan ketidakfahaman murid terhadap pengajaran saya. Keadaan ini mendorong saya untuk melaksanakan satu kajian bagi mengatasi masalah ini. Saya telah menggunakan banyak kaedah pengajaran semasa Praktikum fasa I saya di SK Bulat (nama samaran), dan praktikum fasa II di SK Segi (nama samaran), Saya mendapati bahawa video telah mendapat sambutan yang lebih ketara dalam kalangan murid saya. Oleh itu, saya bercadang untuk menggunakan video dalam memperbaiki amalan pengajaran saya.

### Fokus Kajian

Sebelum melaksanakan kajian, saya telah mengenalpasti tahap kefahaman dan minat murid-murid terlebih dahulu. Berpandukan pandangan guru dan hasil keputusan murid dalam Ujian Bulanan, saya telah memilih 5 orang murid Tahun 4 yang bermasalah sebagai responden kajian saya. Jadual 1 menunjukkan markah yang diperolehi oleh responden dalam ujian bulanan mereka yang lepas.

Jadual 1.


*Markah yang Diperolehi oleh Responden dalam Ujian Bulanan*

| Bil | Responden | Jantina | Markah Ujian Bulanan | Gred yang Dicapai |
|-----|-----------|---------|----------------------|-------------------|
| 1   | Cornelia  | P       | 58                   | C                 |
| 2   | Darrel    | L       | 66                   | B                 |
| 3   | Joshua    | L       | 56                   | C                 |
| 4   | Lydia     | P       | 70                   | B                 |
| 5   | Sammi     | P       | 58                   | C                 |

Saya telah melakukan tinjauan awal terhadap 5 orang responden dalam bentuk pemerhatian, lembaran kerja dan ujian pra. Pemerhatian dijalankan dari segi tingkahlaku murid manakala lembaran kerja dan ujian pra akan menguji tahap kefahaman murid terhadap tajuk Proses Kehidupan Haiwan. Hasil analisis daripada pemerhatian, lembaran kerja dan ujian pra, saya telah mengenalpasti 5 orang murid Tahun 4 yang mempunyai kelemahan-kelemahan berikut:


#### **(a) Tidak dapat memberikan jawapan yang betul dan tepat atau selalu memberikan ejaan perkataan yang salah**

Hasil lembaran kerja dalam buku latihan telah menunjukkan mereka gagal menyatakan organ p serta salah mengelaskan haiwan ke dalam kumpulan berdasarkan cara pernafasan mereka. Rajah 1 menunjukkan contoh kesalahan yang didapati dalam lembaran kerja Sammi.



Rajah 1. Lembaran kerja Sammi

Hasil daripada ujian pra yang dijalankan, juga didapati bahawa murid-murid ini melakukan kesalahan semasa dalam menjawab soalan ujian tersebut. Rajah 2 menunjukkan ujian pra yang dijalankan oleh murid Cornelia dan Joshua. Mereka telah melakukan beberapa kesalahan seperti berikut:



Rajah 2. Ujian Pra Cornelia dan Joshua.

### (b) Minat yang rendah terhadap tajuk Sains

Pemerhatian awal telah dijalankan terhadap tingkahlaku murid di dalam kelas dan hasilnya dicatat dalam nota lapangan. Sebelum kajian, saya telah mengenalpasti murid menghadapi masalah-masalah seperti pasif, kurang memberikan respon, kurang menunjukkan ekspresi muka yang riang dan tidak menumpukan perhatian.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membantu 5 orang murid Tahun 4 untuk:

- Meningkatkan kefahaman murid dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan melalui penggunaan video.
- Meningkatkan minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran Sains melalui penggunaan video.
- Menambah baik amalan P&P saya sebagai seorang guru Sains melalui penggunaan kaedah video dalam pengajaran Sains.

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Adakah penggunaan video dapat meningkatkan kefahaman 5 orang murid Tahun 4 dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan?
- Adakah penggunaan video dapat meningkatkan minat 5 orang murid Tahun 4 dalam pengajaran dan pembelajaran Sains?
- Bagaimanakah penggunaan video dapat menambah baik amalan pengajaran saya dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Bagi mencapai objektif kajian saya, saya telah merancang untuk menggunakan kaedah video dalam pengajaran saya bagi Tajuk Proses Kehidupan Haiwan.

Menurut Semrau, P. Dan Boyer, B.A. (1994), pelajar dapat mempelajari sesuatu konsep dari video pembelajaran yang difokuskan dalam pelbagai kesan bunyi, penceritaan dan muzik. Jadi, video dipercayai dapat memperkukuhkan lagi pembentukan konsep di samping menghasilkan pembelajaran yang lebih luas mendalam. Misalnya dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan, cara haiwan membiak dan membesar dapat ditunjukkan melalui media bergerak dan ini dapat mengekalkan ingatan murid. Menurut Semrau, P. Dan Boyer, B.A. (1994), video digemari dan menyeronokkan bagi pelajar untuk mempelajarinya. Melalui video, sekurang-kurangnya dapat menarik minat pelajar dalam pengajaran Sains.

Yusup dan Alwiah (1999) telah menyatakan bahawa penggunaan video boleh menggalakkan perkembangan kreatif dan kritikal. Melalui video, murid-murid boleh membayangkan sesuatu yang berlaku dalam realiti kehidupan. Misalnya perubahan fizikal sesuatu haiwan, cara haiwan membiak dan sebagainya. Ia dapat merangsang deria-deria individu di samping menyediakan pengalaman sebenar. Yusup dan Sharifah Alwiah (1999) juga menyatakan penggunaan video dapat disaksikan berkali-kali sehingga sampai ke peringkat penguasaan. Menurut Baharuddin, et al. (2000), terdapat beberapa kebaikan menggunakan video. Antaranya ialah video senang dirakam dan dimainkan semula. Oleh itu, murid-murid lemah dapat mengimbas kembali pembelajaran tersebut pada bila-bila masa sahaja.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Saya telah melaksanakan kajian saya dengan mengaplikasikan prinsip Kurt Lewin, yang telah menggariskan beberapa peringkat yang penting seperti berikut:

#### **Peringkat Pertama: Mengenal pasti isu atau masalah sebenar**

**Langkah 1:** Mendapatkan maklumat daripada guru tentang pelajar yang bermasalah dan hasil keputusan murid dalam ujian bulanan lepas.

**Langkah 2:** Memilih 5 orang murid Tahun 4 sebagai responden kajian.

**Langkah 3:** Mengadakan sesi P&P awal tentang tajuk Proses Kehidupan Haiwan tanpa menggunakan video serta menjalankan tinjauan awal.

**Langkah 4:** Menganalisis lembaran kerja murid dan hasil pemerhatian. Guru dapat mengenalpasti masalah sebenar yang wujud pada responden.

### **Peringkat kedua: Merancang Tindakan**

**Langkah 1:** Menyediakan kertas ujian dan menjalankannya sebagai tinjauan awal.

**Langkah 2:** Mencari, memuat turun dan mengumpul video melalui sumber-sumber.

**Langkah 3:** Penghasilan video klip sendiri menggunakan Window Movie Maker.

**Langkah 4:** Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian tajuk Haiwan berkumuh dan Nyahtinja, Haiwan Bernafas, Haiwan Membiak, Kitaran Hidup Haiwan

**Langkah 5:** Penyediaan soalan-soalan temubual dan borang soal selidik.

### **Peringkat ketiga: Melaksanakan Tindakan**

**Langkah 1:** Pelaksanaan sesi P&P dengan mengaplikasikan video dalam tempoh sebulan. Terdapat 3 peringkat semasa pengajaran dan pembelajaran dengan video.

#### **i. Pra tontonan:**

Guru akan menguji pengalaman dan pengetahuan awal murid, menerangkan istilah atau perkataan baru dalam tajuk yang diajar serta menjelaskan apa yang harus dilakukan oleh murid semasa tayangan.

#### **ii. Semasa tontonan:**

Murid menonton tayangan dan mencatat isi-isi yang penting mengikut kehendak dan panduan yang diberikan oleh guru. Semasa tayangan video, ia harus dijalankan tanpa gangguan suara atau perlakuan guru kecuali perlu. Rajah 3 menunjukkan keadaan semasa murid menonton video-video yang ditayangkan.



*Rajah 3. Murid-murid sedang menonton video-video yang ditayangkan.*

#### **iii. Pasca tontonan:**

Selepas tontonan, guru akan mengadakan sesi soal jawab berlandaskan apa yang ditonton dan dicatat oleh murid tetapi dalam masa yang sama memberi penerangan dan bimbingan kepada murid terhadap topik yang dipelajari.

### **Peringkat keempat: Mengumpul data**

**Langkah 1:** Mendapatkan maklum balas daripada rakan pembimbing

**Langkah 2:** Membuat pemerhatian terhadap penglibatan murid

**Langkah 3:** Mengedarkan lembaran kerja sebagai tinjauan akhir

**Langkah 4:** Menjalankan ujian pos 1 dan ujian pos 2.

**Langkah 5:** Mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden kajian

**Langkah 6:** Menjalankan temubual dengan responden.

**Langkah 7:** Mendapatkan maklum balas daripada pensyarah pembimbing. (PR1)

### **Peringkat kelima: Merefleks**

**Langkah 1:** Menganalisis semua data yang dikumpul dan membuat refleksi terhadap kajian yang telah dijalankan.

## **METODOLOGI**

### **Responden Kajian**

Responden yang terlibat dalam kajian saya ialah 5 orang murid tahun 4 yang belajar di SK Sutra, iaitu 3 orang murid perempuan dan 2 orang murid lelaki. 5 orang ini dipilih berdasarkan pandangan daripada guru bahawa mereka ialah pelajar bermasalah dan hasil keputusan mereka dalam ujian bulanan yang lepas.

### **Etika Penyelidikan**

Sebelum penyelidikan dijalankan, saya telah meminta kebenaran daripada 5 orang responden untuk terlibat dalam kajian. Penerangan diberikan kepada mereka tentang objektif kajian ini iaitu membantu meningkatkan kefahaman dan minat mereka dalam pengajaran Sains Tajuk Proses Kehidupan Haiwan.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **Pemerhatian**

Pemerhatian telah dijalankan sepanjang kajian ini terhadap 5 orang responden dalam bentuk catatan lapangan dengan mencatatkan perasaan, reaksi, respon dan tingkahlaku responden. Menurut Sidek Mohd Noah (2002) pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Melalui pemerhatian, seseorang penyelidik dapat mengamati tingkahlaku seseorang berpandukan pemboleh ubah yang telah dikenalpasti.

### **Analisis dokumen**

Saya telah mengumpul lembaran kerja murid untuk menilai perkembangan dan penguasaan murid dalam tajuk-tajuk Proses Kehidupan Haiwan. Hasil kerja murid yang disemak kemudian dibincang bersama tentang kesalahan yang dilakukan. Lembaran kerja dalam kajian ini terdiri daripada 2 jenis iaitu kerja buku latihan dan *worksheet*. Dokumen lain yang digunakan ialah Ujian Pra dan Ujian Pos dengan soalan-soalan yang sama. Ujian Pos akan dijalankan sebanyak dua kali. Kertas soalnya mengandungi 10 soalan struktur dengan setiap soalan 10 markah.

### **Temubual**

Temubual kajian ini telah melibatkan pertemuan penyelidik dengan responden, penyelidik dengan guru dan penyelidik dan rakan pembimbing untuk tujuan mendapatkan maklumat. Untuk mendapatkan maklumat, penyelidik perlu menyediakan soalan-soalan yang akan dijawab oleh responden secara lisan.

### **Borang Maklum Balas**

Borang maklum balas atau borang PR1 telah digunakan sebelum dan selepas kajian untuk menilai amalan pengajaran guru. Borang maklum balas sebelum kajian akan dinilai oleh rakan pembimbing saya manakala borang PR1 akan dinilai oleh pensyarah pembimbing saya selepas kajian.

### Soal Selidik


Soal selidik merupakan instrumen untuk mengumpul data secara formal. Dalam kajian ini, soal selidik dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan video dalam meningkatkan kefahaman dan minat murid dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan. Ia terbahagi kepada dua bahagian, kod kefahaman dan kod minat.

### Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis data kajian.

### Analisis Kandungan Dokumen

Semua hasil kerja responden akan dianalisis kandungannya untuk melihat kekuatan atau kelemahan murid. Saya akan membuat penandaan pada setiap lembaran kerja tersebut dan memberikan skor. Rajah 4 merupakan contoh lembaran kerja dalam bentuk Worksheet yang dilakukan oleh murid, Lydia pada 30 March 2012.



Rajah 4. Lembaran kerja worksheet yang dilakukan oleh Lydia pada 30 March 2012 (LKWK-LYD30032012).


Saya juga menganalisis ujian yang dijalankan. Data-data keputusan responden dalam Ujian Pra, Pos 1 dan Pos 2 akan dipindah ke dalam bentuk jadual dan graf.

### Analisis Kandungan Temu Bual

Saya telah menemu bual 3 orang responden kajian untuk melihat sejauh mana video telah membantu dalam meningkatkan kefahaman dan minat mereka. Saya telah menganalisis kandungan transkripsi temu bual dengan mengenal pasti dan membulatkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan persoalan kajian

### Analisis Kandungan Catatan Lapangan

Analisis kandungan juga dibuat pada catatan lapangan saya dengan menandakan perkara-perkara yang dianggap penting dan mengkategorikannya. Rajah 5 merupakan contoh analisis catatan lapangan yang dilakukan oleh saya



Rajah 5. Catatan lapangan semasa kajian, 28 March 2012 (CL04-SMS28032012).

### **Analisis Kandungan Borang Maklum Balas**

Saya telah menganalisis kandungan dalam borang maklum balas yang diisi oleh rakan pembimbing dengan menyediakan satu jadual perbandingan maklum balas sebelum dan selepas kajian. Selain itu, ulasan-ulasan daripada pensyarah pembimbing dalam borang PR1 juga dianalisis untuk melihat keberkesanan kaedah video dalam meningkatkan amalan mengajar saya.

### **Analisis Kandungan Borang Soal Selidik**

Saya juga menganalisis kandungan soal selidik yang diisi oleh responden selepas kajian. Jadual akan disediakan bagi bahagian kefahaman dan minat dengan mengira bilangan, peratus dan purata responden yang menjawab Ya dan Tidak.

### **Teknik Menyemak Data**

Saya menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk menyemak data yang ditafsir.

### **Triangulasi Kaedah**

Semasa triangulasi kaedah, saya menggunakan borang matriks untuk membanding sumber data yang dikumpul melalui analisis dokumen, catatan lapangan, temu bual, maklum balas dan soal selidik. Perbandingan ini membantu saya untuk menyemak kredibiliti data yang diperolehi.

### **Triangulasi Sumber**

Tiangulasi sumber kajian ini melibatkan proses mendapatkan maklumat dan pandangan daripada rakan pembimbing. Saya telah menyuruh rakan pembimbing untuk menyemak lembaran kerja yang saya semak. Selain itu, saya juga menyuruh beliau untuk memerhatikan penglibatan dan tingkahlaku responden. Pemerhatiannya akan kemudian diluahkan dalam borang maklum balas.


## **REFLEKSI**

### **Refleksi Dapatan**

- **Adakah penggunaan video dapat meningkatkan kefahaman 5 orang murid Tahun 4 dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan?**

Dalam kajian ini, saya telah mengaplikasikan video dalam pengajaran Sains Tajuk Proses Kehidupan Haiwan dalam masa sebulan untuk menguji keberkesanan video dalam meningkatkan kefahaman responden kajian dalam tajuk ini. Mereka perlu mengikut arahan saya dan terlibat dalam mana-mana aktiviti sebelum, semasa dan selepas video ditayang. Misalnya menyatakan pengalaman awal mereka sebelum tayangan, mencatatkan isi-isi penting tayangan, menjawab soalan guru selepas tayangan dan sebagainya. Dua lembaran kerja telah diberikan kepada responden semasa kajian, iaitu kerja buku latihan dan worksheet. Rajah 6 dan Rajah 7 menunjukkan contoh lembaran kerja Joshua dan Sammi dalam bentuk buku latihan.





Rajah 6. Lembaran kerja buku latihan yang dilakukan oleh Joshua pada 23 March 2012 (LKBL-JOS23032012).  
Rajah 7. Lembaran kerja buku latihan yang dilakukan oleh Sammi pada 23 March 2012 (LKBL-SAM23032012).


Daripada kerja buku latihan Joshua dan Sammi, dapat dilihat bahawa mereka telah menunjukkan kekuatan-kekuatan seperti dapat memberikan sebab kenapa haiwan berkumuh dan menyenaraikan organ pernafasan dengan betul. Satu kelemahan Sammi adalah dia cuai dalam ejaan, iaitu perkataan “urine” dan “fertilizers”. Jadual 2 menunjukkan skor yang diperolehi oleh responden dalam kerja buku latihan ini.

Jadual 2.

Skor yang Diperolehi oleh Responden pada Kerja Buku Latihan

| Responden | Kod Worksheet    | Skor (x/15) |
|-----------|------------------|-------------|
| Cornelia  | LKBL-COR23032012 | 12          |
| Darrel    | LKBL-DAR23032012 | 14          |
| Joshua    | LKBL-JOS23032012 | 14          |
| Lydia     | LKBL-LYD23032012 | 15          |
| Sammi     | LKBL-SAM23032012 | 13          |

Satu bentuk lembaran kerja adalah worksheet. Rajah 8 dan 9 menunjukkan lembaran kerja worksheet yang dilakukan oleh Sammi dan Lydia semasa kajian.



Rajah 8. Lembaran kerja worksheet yang dilakukan oleh Sammi pada 30 March 2012 (LKWK-SAM30032012).

Rajah 9. Lembaran kerja worksheet yang dilakukan oleh Lydia pada 30 March 2012 (LKWK-LYD30032012).

Sammi dan Lydia telah menjawab hampir semua soalan dengan betul. Mereka dapat menyatakan cara haiwan membiak dengan betul dan menyenaraikan peringkat dalam kitaran hidup haiwan dengan betul. Semua responden telah menunjukkan peningkatan yang baik seperti yang dicatat dalam Jadual 3.

Jadual 3.

*Skor yang Diperolehi oleh Responden pada Worksheet*

| Responden | Kod Worksheet    | Skor (x/12 ) |
|-----------|------------------|--------------|
| Cornelia  | LKWK-COR30032012 | 10           |
| Darrel    | LKWK-DAR30032012 | 12           |
| Joshua    | LKWK-JOS30032012 | 11           |
| Lydia     | LKWK-LYD30032012 | 12           |
| Sammi     | LKWK-SAM30032012 | 11           |


Selain itu, ujian yang dijalankan juga menunjukkan video telah membawa kesan dalam kefahaman murid. Ujian Pra diadakan sebelum kajian manakala dua Ujian Pos dijalankan selepas kajian. Markah yang diperolehi oleh responden adalah seperti yang dicatatkan dalam Jadual 4.

Jadual 4.

*Keputusan Markah bagi Ujian Pra, Ujian Pos 1 dan Ujian Pos 2*

| Bil | Responden | Jantina | Ujian Pra |      | Ujian Pos 1 |      | Ujian Pos 2 |      |
|-----|-----------|---------|-----------|------|-------------|------|-------------|------|
|     |           |         | Markah    | Gred | Markah      | Gred | Markah      | Gred |
| 1   | Cornelia  | P       | 60        | B    | 70          | B    | 80          | A    |
| 2   | Darrel    | L       | 40        | C    | 80          | A    | 85          | A    |
| 3   | Joshua    | L       | 45        | C    | 70          | B    | 75          | B    |
| 4   | Lydia     | P       | 50        | C    | 85          | A    | 90          | A    |
| 5   | Sammi     | P       | 45        | C    | 70          | B    | 80          | A    |

Satu graf seperti Rajah 10 telah dihasilkan bagi menunjukkan perbandingan sebelum dan selepas penggunaan video dalam pengajaran Sains.



Rajah 10. Graf perbandingan keputusan markah ujian pra, ujian pos 1 dan 2.

Daripada Rajah 14, didapati telah berlakunya peningkatan markah yang ketara bagi 5 orang responden. Kebanyakan murid telah memperolehi gred yang rendah dalam Ujian Pra, iaitu hanya mendapat Gred C. Namun dalam Ujian Pos 1 dan Ujian Pos 2, mereka telah mencapai Gred B dan Gred A. Perubahan markah yang berlaku ini

amat besar. Secara keseluruhannya, murid-murid telah menunjukkan peningkatan dari segi kefahaman tajuk selepas video diaplikasikan.

Saya juga meneliti transkripsi temubual dengan 3 orang responden untuk mendapat pandangan mereka tentang kajian saya. Rajah 11 merupakan transkripsi temu bual dengan murid Cornelia selepas kajian.

Cikgu : Kali pertama cikgu ajar tajuk Proses Kehidupan Haiwan, cikgu tidak menggunakan video. Adakah anda faham apa yang cikgu ajar masa itu?  
Cornelia.: Saya fiki, tidak semuanya kerana saya masih ada buat salah.  
Cikgu : Jadi, adakah anda rasa video yang digunakan kemudian telah membantu anda untuk lebih memahami tajuk ini?  
Cornelia.: Ya. Sekarang saya sudah lebih faham.

Rajah 11. Temubual dengan murid Cornelia pada 9 April 2012(TB-COR09042012).


Cornelia telah menyatakan bahawa dia masih melakukan kesalahan semasa pengajaran tanpa video. Namun dia sudah lebih faham tentang tajuk ini selepas guru mengaplikasikan video. Hasil dapatan ini menunjukkan penggunaan video sememangnya membantu murid dalam lebih menguasai tajuk ini.

Hasil pemerhatian juga menunjukkan responden mula memahami tentang isi pelajaran. Rajah 12 menunjukkan pemerhatian semasa kajian, di mana mereka telah dapat menyenaraikan jawapan dan yakin dalam memberi jawapan.

|  |  |
|--|--|
| <p>Catatan :</p> <p>Saya telah mengajar tajuk terakhir dalam Proses Kehidupan Haiwan, iaitu Kitaran Hidup Haiwan. Bagi tajuk ini, saya hanya fokus kepada haiwan seperti ayam, rama-rama, katak, nyamuk dan lipas. Saya telah memerhatikan bahawa murid-murid telah mula mencatatkan apa yang mereka lihat dari video itu secara inisiatif, tanpa disuruh lagi kerana ia telah menjadikan satu kebiasaan selepas tiga minggu ini. Murid-murid telah ketawa bersama-sama dan mengeluarkan perkataan-perkataan seperti "Wah" dan sebagainya semasa menonton satu cerita yang lucu tentang kitaran hidup seekor rama-rama. Tontonan video secara beramai-ramai seolah-olah dapat mempengaruhi mereka samaada dari segi minat atau perasaan. Untuk menguji samaada mereka faham dengan apa yang telah ditayangkan, saya telah menyuruh mereka untuk melukakan kitaran hidup haiwan di papan selepas setiap video. Pelajar Lydia dan Joshua telah dapat menyatakan setiap peringkat dengan betul kecuali dengan beberapa perkataan seperti <i>Cataglyphis</i> dan <i>zera</i> yang sjaan mereka salah. Mereka juga nampak lebih yakin dalam memberi jawapan dan tidak terfikir-fikir tentang jawapan.</p> | <p>Dapat menyenaraikan jawapan pada papan</p> <p>Yakin dalam memberi</p> |
|--|--|

Rajah 12. Catatan lapangan semasa kajian, 30 March 2012 (CL05-SMS30032012).

Saya juga menganalisis item-item dalam soal selidik dengan mengira peratusan dan purata responden yang menjawab Ya dan Tidak. Berdasarkan peratusan, jumlah purata bagi jawapan Ya adalah sebanyak 88.75%, iaitu lebih tinggi daripada purata jawapan Tidak yang hanya merangkumi 11.42%. Purata jawapan Ya cukup untuk saya membuat kesimpulan mengenai keberkesanan penggunaan video dalam meningkatkan kefahaman murid dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan. Rajah 13 menunjukkan purata keseluruhan soal selidik bahagian kefahaman.



Rajah 13. Purata keseluruhan soal selidik bahagian 1 : Kefahaman.

- **Adakah penggunaan video dapat meningkatkan minat 5 orang murid Tahun 4 dalam pengajaran dan pembelajaran Sains?**

Untuk menjawab persoalan ini, saya telah menemubual 3 orang responden selepas kajian. Rajah 14 merupakan transkripsi temu bual saya dengan responden Darrel.

Cikgu : Sebelum video digunakan, adakah anda rasa sains sangat bosan?  
 Darrel : Sedikit..  
 Cikgu : Apakah perasaan anda apabila cikgu gunakan video dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan?  
 Darrel : Gembira.. (senyum)  
 Cikgu : Adakah anda suka dengan video-video itu?  
 Darrel : Suka.. (mengangguk kepala)  
 Cikgu : Apakah yang anda suka dengan video-video itu?  
 Darrel : Haiwan lucu...ada lagu.. (senyum)  
 Cikgu : Adakah anda berharap cikgu terus menggunakan video semasa mengajar Sains?  
 Darrel : Ya

Rajah 14. Temubual dengan murid Darrel pada 9 April 2012 (TB-DAR09042012).

Darrel menyatakan bahawa pengajaran tanpa video sebelum ini adalah sedikit membosankan. Namun selepas video diguna, dia berasa gembira dan suka dengan video yang mengandungi haiwan-haiwan lucu dan lagu. Dia berharap video terus diguna dalam pengajaran guru. Saya juga menemubual rakan pembimbing saya untuk mendapat pandangannya tentang kajian saya seperti Rajah 15:

**Saya:** Apakah pendapat anda terhadap penggunaan video dalam pengajaran Sains saya?  
**Rakan Pembimbing:** Baik. Saya suka dengan sesetengah video anda yang mengandungi cerita yang menarik dan bukannya hanya gambar. Murid-murid and nampak suka dengan video-video itu. Mereka tanya soalan yang banyak, misalnya kenapa haiwan ini macam tu dan sebagainya.

Rajah 15. Temubual dengan rakan pembimbing pada 9 April 2012(TB-RPG09042012).

Beliau menyatakan bahawa dia suka dengan video yang mengandungi cerita yang menarik. Misalnya video "The Hungry Caterpillar" yang menceritakan kitaran hidup seekor rama-rama.. Beliau memerhatikan bahawa murid-murid menanya soalan yang banyak. Secara keseluruhannya, hasil temubual dengan responden dan rakan pembimbing telah menunjukkan kesan yang positif. Semua responden telah menyatakan mereka berharap video terus digunakan dalam pengajaran.


Saya juga membuat pemerhatian sebelum dan semasa kajian dan merekodkannya dalam bentuk catatan lapangan. Saya telah mendapati bahawa murid-murid telah menunjukkan perubahan tingkah laku yang ketara selepas video digunakan dalam pengajaran Sains seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16.

|   |  |
|---|--|
| <p>Catatan :</p> <p>Saya telah mengajar tajuk terakhir dalam Proses Kehidupan Haiwan, iaitu Kitaran Hidup Haiwan. Bagi tajuk ini, saya hanya fokus kepada haiwan seperti ayam... rama-rama, katak, nyamuk dan lina. Saya telah memerhatikan bahawa murid-murid telah mula mencatatkan apa yang mereka lihat dari video itu secara inisiatif tanpa disuruh lagi kerana ia telah menjadikan satu kebiasaan selepas tiga minggu ini. Murid-murid telah ketawa bersama-sama dan mengemukakan perkataan-perkataan seperti "Wah" dan sebagainya semasa menonton satu cerita yang lucu tentang kitaran hidup seekor rama-rama. Tontonan video secara beramai-ramai seolah-olah dapat mempengaruhi mereka samaada dari segi minat atau perasaan. Untuk menguji samaada mereka faham dengan apa yang telah ditayangkan, saya telah menyuruh mereka untuk melukiskan kitaran hidup haiwan di papan selepas setiap video. Pelajar Lydia dan Joshua telah dapat menyatakan setiap peringkat dengan betul kecuali dengan beberapa perkataan.</p> | <p><b>Mencatatkan isi tanpa disuruh</b></p> <p><b>Ekspresi muka yang riang</b></p> <p><b>Memberikan respon</b></p> |
|---|--|

Rajah 16. Catatan lapangan semasa kajian, 30 March 2012 (CL05-SMS30032012).

Selain daripada data temubual dan catatan lapangan yang menunjukkan murid telah meningkatkan minat dalam Tajuk Proses Kehidupan Haiwan, saya juga menjalankan soal selidik dengan 5 orang responden selepas kajian sebagai tinjauan akhir. Saya telah menganalisis item-item dalam soal selidik Bahagian 2 dengan menyediakan satu jadual bagi mengira peratusan dan purata responden yang menjawab Ya dan Tidak. Melalui item terakhir iaitu sama ada murid inginkan video yang lebih banyak, semua murid telah bersetuju dengan pernyataan ini. Ini bermakna mereka suka dengan penggunaan video dalam pengajaran Sains.


Rumusan keseluruhan bagi soal selidik bahagian 2 ialah video telah dapat meningkatkan minat kebanyakan murid terhadap pengajaran Sains. Keadaan ini dibuktikan dengan purata jawapan Ya yang diterima iaitu sebanyak 71.43%, berbeza dengan peratus jawapan Tidak iaitu hanya 28.57% seperti Rajah 17.



Rajah 17. Purata keseluruhan soal selidik bahagian 2: Minat.

- **Bagaimanakah penggunaan video dapat menambah baik amalan pengajaran saya dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan?**


Saya telah menjalankan temubual dan mengedarkan borang maklum balas untuk menguji sejauh mana video telah membantu dalam menambah baik amalan mengajar saya dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan. Rajah 18 menunjukkan contoh transkripsi temubual saya dan rakan pembimbing.



Rajah 18. Temubual dengan rakan pembimbing pada 9 April 2012(TB-RPG09042012).

Daripada temubual di atas, dapat dilihat bahawa murid-murid mula berkomunikasi dengan rakan dan guru. Mereka akan berbincang dengan rakan mereka tentang apa yang mereka lihat, terutamanya apabila video itu menunjukkan haiwan yang lucu. Mereka mula berkomunikasi dengan guru dengan bertanya pelbagai soalan.

Saya telah mengedarkan borang maklum balas kepada rakan pembimbing sebelum dan selepas kajian. Hasil maklum balas telah menunjukkan penambahbaikan dari aspek perkembangan pelajar, komunikasi, kualiti pembelajaran, pencapaian hasil pembelajaran, minat dan motivasi murid. Saya juga mendapat maklum balas daripada pensyarah pembimbing dalam borang PR1 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 19.



Rajah 19. Maklum balas daripada pensyarah pembimbing pada 18 April 2012 (MBP-SLS18042012).

Dalam bahagian ulasan, beliau telah menyatakan bahawa video yang baik diguna bagi menggambarkan cara perlindungan haiwan dan video diilustrasi dengan baik dan relevan. Ulasan-ulasan ini telah memperkukuhkan lagi kajian saya bahawa penggunaan video telah menambah baik pengajaran saya..

Secara keseluruhannya, hasil dapatan daripada temubual, borang maklum balas dan borang PR1 telah menunjukkan bahawa penggunaan video telah membantu dalam menambahbaikkan kualiti P&P guru.

### Refleksi Penilaian Tindakan

Penggunaan video didapati bermanfaat dalam meningkatkan kefahaman dan minat murid terhadap Sains sekaligus menambahbaik amalan mengajar guru. Beberapa kekuatan telah ditonjolkan dalam kajian ini. Murid-murid telah lebih cenderung untuk memberikan jawapan yang betul dan tepat sama ada dalam lembaran kerja atau ujian selepas video diguna. Mereka dapat memberikan contoh haiwan dengan betul, menerangkan sebab atau kesan serta menyenaraikan peringkat-peringkat dalam kitaran hidup haiwan dengan tepat. Bilangan soalan yang dijawab betul telah menunjukkan peningkatan yang tinggi.

Tingkah laku murid juga menunjukkan perubahan yang ketara. Sebelum ini, responden kurang memberi respon, pasif dan tidak ingin melibatkan diri. Selepas kajian dijalankan, mereka mula memberi tumpuan. Ini disebabkan kandungan-kandungan video yang menarik sukar untuk mengalih tumpuan murid. Mereka mula ketawa, tersenyum serta mula berkomunikasi dengan orang di sekelilingnya, seperti rakan dan guru. Mereka akan bertanya soalan tentang apa yang dilihat disebabkan sikap ingin tahu. Misalnya dalam Tajuk Haiwan Bernafas, video tentang *horse crab* yang bernafas dengan *book lung* ditunjukkan. Disebabkan mereka tidak pernah melihat *horsecrab*, mereka berasa hairan dan tertanya-tanya tentang haiwan itu.

Satu kelemahan dalam kajian ini ialah penggunaan video telah mengambil masa yang lama dalam pengajaran, sedangkan tempoh bagi sesetengah video adalah panjang. Tambahan pula, sesetengah responden mungkin sukar menangkap isi penting dalam video dalam tayangan pertama. Biasanya guru akan mengulangi tayangan video supaya murid dapat mengingati isinya.

### Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini, lima orang responden telah bekerjasama dalam konteks membantu saya untuk menyempurnakan kajian ini. Contohnya, apabila saya ingin menjalankan temubual, mereka akan berjumpa dengan saya

tepat pada waktu yang ditetapkan. Bantuan daripada guru pembimbing juga memberi dorongan yang besar kepada saya. Guru pembimbing saya selalu memberi kebenaran kepada saya sekiranya saya memerlukan masa untuk mengadakan kelas tambahan atau masa peribadi bersama dengan responden. Bagi rakan pembimbing, dia juga sanggup meluangkan masa untuk membantu dalam pemerhatian serta memberikan maklum balas tentang pengajaran saya.

Selepas menjalani kajian ini, saya telah memahami bahawa seorang guru bukan sahaja mengajar tetapi juga harus menjalin hubungan yang erat dengan muridnya. Hubungan ini boleh terjalin dengan selalu memberikan kata-kata dorongan atau galakan. Apabila didapati kesalahan murid, guru harus mencari punca masalahnya dan mencari alternatif untuk menyelesaikannya, misalnya menerusi kaedah baru dalam kajian tindakan. Saya juga menguasai kemahiran berkomunikasi semasa dalam sesi temubual. Penguasaan kemahiran komunikasi telah membantu saya untuk bersosial dan seterusnya menjalin hubungan yang erat antara satu sama lain.

Kajian ini telah memberikan saya input yang boleh digunapakai dalam kajian tindakan yang bakal dijalankan. Guru perlu kreatif dan menggunakan daya fikir untuk mendapatkan maklumat yang jitu dalam hasil kajian. Menerusi kajian yang dijalankan, saya telah mempelajari tentang bahawa setiap kajian tindakan yang dijalankan perlu mengikut tertib langkah kajian. Ia bukan suatu proses yang dapat dijalankan dalam satu hari, namun perlu dilaksanakan dalam tempoh yang lama.

#### **Cadangan Kajian Seterusnya**

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya ialah guru boleh menerapkan penggunaan video dalam pengajaran dan mengadakan aktiviti lanjutan daripada tayangan video, misalnya mengadakan sesi perbincangan, simulasi, main peranan atau aktiviti hands-on selepas video untuk mengukuhkan lagi kefahaman murid. Selain itu, guru boleh mengambil responden yang lebih ramai. Dengan ini, soal selidik boleh dijalankan di kalangan murid yang lebih ramai. Pada masa akan datang, saya berharap dapat mengaplikasikan video untuk mengajar tajuk Sains lain untuk menguji samaada video sesuai digunakan untuk tajuk tertentu.

#### **RUJUKAN**

- Dr Ismail Zain. (2009, Februari 2). *Aplikasi video dalam pembelajaran*. Portal Pendidikan Utusan 2001-2009. Utusan Melayu (M) Berhad. Kuala Lumpur. Diperolehi pada 16 March 2012 dari [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2009&dt=0216&pub=DuniaPendidikan&sec=Motivasi&pg=mo\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2009&dt=0216&pub=DuniaPendidikan&sec=Motivasi&pg=mo_01.htm)
- Ee Ah Meng (1999). *Siri Diploma Perguruan, Pendidikan Di Malaysia 1, Falsafah Pendidikan, Guru Dan Sekolah*. 2<sup>nd</sup>.ed. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Semrau, P. & Boyer, B.A. (1994). *Using interactive video in education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yusuf Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999), "*Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan*," Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Baharuddin Aris et.al (2000) Modul Pengajaran Teknologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.